

**TAJUK:** Keperluan latihan kemahiran oleh industri di institusi pendidikan teknikal:

Satu kajian kes di Zon Perindustrian Batu Pahat, Johor.  
(*Ahmad b Esa dan Khairul Azman b Suhaimy KUiTTHO*)

**ALAMAT SURAT MENYURAT :**

*Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi (PPKK)*  
*Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)*  
*Peti Surat 101 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.*  
TELEFON: 07-4546814/6822/6826. FAKS: 07-4546090.  
E-MAIL : [khairulazman@hotmail.com](mailto:khairulazman@hotmail.com) [aneh@hotmail.com](mailto:aneh@hotmail.com)

---

---

**ABSTRAK**

**PENGENALAN**

Dalam kajian ini, institusi pendidikan teknikal yang terlibat ialah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn KUiTTHO (dahulunya Institut Teknologi Tun Hussein Onn ITTHO) dalam melihat keperluan latihan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti di kilang masing-masing. Industri tidak mampu untuk menyediakan keperluan latihan kemahiran sepenuhnya di kilang mereka. Oleh itu kerjasama dengan institusi pendidikan sewajarnya menjadi salah satu saluran untuk mendapatkan kemahiran dalam pekerjaan. Keadaan ini sudah lama wujud di negara-negara maju tentang jalinan kerjasama di antara institusi pendidikan khususnya teknikal dengan industri. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua pihak saling memerlukan dan saling lengkap-melengkapi di antara satu sama lain dapat mencapai matlamat organisasi yang disasarkan. Dalam konteks Malaysia yang akan menuju ke arah sebuah negara maju maka hubungan ini sewajarnya dapat dipertingkatkan dengan lebih berkesan.

**OBJEKTIF**

- a. Mengenalpasti kesediaan menghantar pekerja mengikuti latihan kemahiran oleh pihak industri,
- b. Mengenalpasti bidang kemahiran yang diperlukan oleh pekerja di industri,
- c. Mengenalpasti faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh pihak industri dalam menghantar pekerja mengikuti latihan kemahiran dan
- d. Mengenalpasti masalah-masalah dalam menghantar pekerja mengikuti latihan kemahiran di institusi pendidikan teknikal.

## METODOLOGI

Kajian ini melibatkan seramai 18 orang jurutera/pengurus sumber manusia di dalam kawasan kajian sebagai responden. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik manakala kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan setiap item yang dibina. Menerusi program SPSS versi 7.5 ujian 'Reliability Analysis Scale Alpha' telah diadakan dan hasilnya didapati kebolehpercayaan semua item dalam soal selidik ialah 0.86. Oleh itu diyakini bahawa semua item dalam soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan meletakkan alpha 0.6 dan ke atas sebagai aras kebolehpercayaan yang baik (Jamian Jaffar 1996).

Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan min bagi memenuhi objektif kajian yang ditetapkan dan tafsiran min yang digunakan adalah seperti jadual berikut;

**Jadual 1 : Tafsiran min**

<b>MIN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.0 hingga 1.4	Sangat tidak sesuai/sangat tidak benar
1.5 hingga 2.4	Tidak sesuai/tidak benar
2.5 hingga 3.4	Kurang sesuai/kurang benar
3.5 hingga 4.4	Sesuai/benar
4.5 hingga 5.0	Sangat sesuai/sangat benar

### **DAPATAN UTAMA KAJIAN :**

Dapatan kajian adalah seperti berikut;

- i. Secara keseluruhannya pengetahuan dan kesediaan pihak pengurusan industri untuk menghantar pekerjaannya bagi mendapatkan latihan kemahiran (kursus kemahiran jangka pendek) adalah baik. Ini berdasarkan perolehan min keseluruhan bagi setiap pernyataan ialah 3.58. Ini dapat dilihat dalam Jadual 2 di bawah;

Jadual 2 : Pengetahuan dan Kesiapan Pihak Pengurusan Kilang Terhadap Kursus-Kursus Kemahiran Jangka Pendek di ITTHO.

<b>BIL</b>	<b>PERNYATAAN</b>	<b>MIN</b>
1	ITTHO merupakan institusi yang sesuai untuk anda menghantar pekerja bagi mengikuti latihan kemahiran teknikal	3.78
2	Kursus kemahiran jangka pendek di ITTHO diketahui oleh syarikat anda	3.17
3	ITTHO merupakan institusi yang anda cadangkan kepada pekerja bagi mengikuti latihan kemahiran	3.61
4	Anda berminat menghantar pekerja di kilang anda untuk mengikuti kursus kemahiran jangka yang dijalankan di ITTHO	3.50
5	Kursus kemahiran jangka pendek di ITTHO berupaya meningkatkan produktiviti organisasi anda	3.50
6	Lokasi ITTHO yang berhampiran dengan industri dapat mengurangkan kos pembangunan sumber manusia organisasi anda	3.89
	<b>MIN KESELURUHAN</b>	<b>3.58</b>

- ii. Berdasarkan dapatan kajian, bidang dan kursus kemahiran yang diperlukan ialah Elektronik Industri (3.83), Teknologi Elektronik Asas (3.50), Pneumatik dan PLC Control (3.44), Pendawaian (3.40) dan Pengujian dan Senggaraan Peralatan Makmal (3.33).
- iii. Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh pihak pengurusan industri dalam menghantar pekerja mengikuti latihan kemahiran ialah kos, lokasi, tenaga pengajar profesional, kelengkapan/teknologi dan bahasa pengantar.
- iv. Masalah-masalah dalam menghantar pekerja mengikuti latihan kemahiran ialah kos, maklumat kursus, kesesuaian kursus, kesiapan pekerja dan bahasa pengantar.

## **KESIMPULAN**

Latihan kemahiran amatlah diperlukan oleh industri dalam meningkatkan kemahiran dan seterusnya produktiviti di kalangan pekerja-pekerjanya. Oleh itu institusi pendidikan tinggi khususnya di bidang teknikal seharusnya dapat menyediakan kursus-kursus yang sesuai dengan keperluan pihak industri. Ini adalah selari dengan pandangan bahawa 'sewajarnya universiti menjadi sumber rujukan kepada pihak industri' pada masa hadapan menjadi realiti.